

Najib mahu masjid jadi pusat penjanaaan ekonomi

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 10 Dis. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu institusi masjid dijadikan pusat menjana ekonomi orang Islam melalui program-program berorientasikan perniagaan yang dijalankan di masjid-masjid.

Beliau berkata, dengan jumlah lebih 10,000 masjid dan surau di negara ini, masjid boleh dijadikan pusat penjanaaan ekonomi memandangkan ia mempunyai jaringan yang sangat luas dan berpotensi.

“Beberapa perniagaan seperti restoran, *cafe bake*, kedai gunting, kedai jahit, kedai alat tulis, poliklinik, pajak gadai (Ar-Rahnu) dan mikro kredit boleh diletakkan di kawasan masjid,” kata beliau ketika berucap menutup Konvensyen Masjid Hadhari Komuniti Lestari 2006 di Masjid Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Menurut Najib, dengan jaringan yang ada, satu rangkaian kedai runcit yang diurus dengan baik, mempunyai konsep yang sesuai dan menarik dengan penjualan produk kegunaan harian yang berkualiti lagi halal dapat diwujudkan di masjid-masjid.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perniagaan yang mempunyai pasaran yang baik ini sudah tentu akan membuka peluang perniagaan, pekerjaan dan keuntungan lumayan kepada pihak masjid dan masyarakat Islam setempat.

Beliau menambah, kursus-kursus kemahiran seperti kursus simpanan kira-kira, gunting rambut, menjahit, kemahiran komputer dan memproses makanan boleh diadakan di masjid-masjid bagi menarik lebih ramai remaja menjalani kursus tersebut.

“Alangkah baiknya jika masjid turut menjadi pusat khidmat masyarakat yang berkesan di mana segala mesyuarat, perjumpaan masyarakat, majlis rasmi, pusat membayar zakat, majlis perkahwinan, sesi kaunseling dan pelbagai perkara yang berkaitan dengan hal ehwal masyarakat dapat diadakan,” katanya.

Najib berpendapat peranan masjid perlu diluaskan yang bukan sahaja merangkumi pusat penjanaaan ekonomi tetapi juga pusat pengembangan ilmu dan pusat komuniti masyarakat Islam.

Katanya, umat Islam harus mengorak langkah mewujudkan sistem pendidikan formal seperti memperkenalkan konsep kampus universiti terbuka di masjid-masjid yang terpilih.

“Fungsi masjid seperti ini akan memberikan satu dimensi dan imej yang baru kepada masjid dan ia amat dibanggakan.”

“Masyarakat Islam kini perlu berfikir secara serius serta mengumpul kekuatan sedia ada dan merancang sesuatu program yang strategik untuk memakmurkan masjid di negara ini,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berpendapat, masjid yang mempunyai

Um- 11/12/2006
Beberapa perniagaan seperti restoran, *cafe bake*, kedai gunting, kedai jahit, kedai alat tulis, poliklinik, pajak gadai (Ar-Rahnu) dan mikro kredit boleh difikirkan untuk diletakkan di kawasan masjid

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

pasukan jawatankuasa yang proaktif, profesional, kreatif dan berpandangan jauh pasti dapat meningkatkan kedudukan masjid.

“Bagi membantu pihak pentadbiran masjid mempunyai sistem dan kaedah pengurusan yang baik, kita mencadangkan supaya dilantik satu badan sebagai pakar rujuk dan pengendali kursus-kursus pengurusan masjid secara berterusan,” katanya.

Najib turut menyentuh mengenai keadaan fizikal masjid.

Katanya, kini sudah tiba masanya umat Islam menitikberatkan soal keindahan kawasan masjid dengan landskap yang indah lagi menarik, kemudahan asas yang mencukupi dan sempurna serta kebersihan yang mencapai standard yang diakui.

Selama ini, katanya, masyarakat Islam agak malu jika orang lain sering menempek masjid yang menjadi tempat ibadahnya pun kotor, tandasnya amat menjijikkan, permaidannya tidak terurus dan kawasan persekitarannya dipenuhi semak samun.

“Inilah yang perlu kita ubah,” kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, dengan pengurusan

masjid menjadi lebih profesional, ekonomi umat Islam dapat dijana dengan lancar dan kukuh.

Kata Najib, sebagai pusat kecemerlangan, masjid dapat melahirkan generasi yang cinta kepada masjid, hatinya terikat dengan masjid dan akhlaknya terpuji hasil bimbingan masjid.

Pada sidang akhbar kemudian, Najib mencadangkan supaya jawatankuasa masjid dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang ilmu tertentu supaya masjid tidak hanya dilihat sebagai tempat mengerjakan ibadat semata-mata.

Menurut beliau, keanggotaan jawatankuasa yang terdiri daripada individu yang pakar dan profesional juga bertujuan menarik minat generasi muda yang berpendidikan tinggi untuk bersama mengimarahkan masjid sebagai institusi dengan pelbagai peranan.

“Jawatankuasa masjid mesti berpandangan jauh dan proaktif. Walaupun sudah ada masjid yang telah melihat skop yang lebih luas dari segi peranan tetapi bilangannya masih terhad dan ia perlu diperluaskan lagi.

“Contohnya, terdapat sebuah masjid di Johor Bahru yang telah mempunyai pusat rawatan dialisis sendiri. Ini bermakna urusan kesihatan sekarang tidak terhad hanya di klinik kerajaan atau swasta tetapi boleh juga diadakan di masjid,” katanya.

Dalam pada itu, Najib yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara berkata, pelbagai kaedah ditentukan bagi mengendalikan ancaman banjir di beberapa negeri yang sering dilanda banjir.

“Kita telah mengadakan mesyuarat di peringkat nasional dan arahan telah dikeluarkan.

“Sekarang ini kita sedang memantau keadaan. Jika banjir semakin menjadi kenyataan, kita akan gerakkan jentera yang telah pun diwujudkan,” katanya.

Konvensyen Masjid Hadhari Komuniti Lestari 2006 dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Rabu lalu.

Turut hadir pada majlis penutupan itu ialah Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.